

## INTEGRITI SUMBER MANUSIA

---

Staf berkualiti tinggi merupakan aset utama kejayaan sesebuah organisasi. Walau bagaimanapun, kehakisan nilai integriti dalam kalangan staf mengakibatkan wujudnya pelbagai kepincangan pentadbiran dan salah laku di sektor kerajaan mahupun swasta (Mustafar Ali, 2004 dan M. Kamal Hasan, 2004). Sehubungan dengan itu, kerajaan mengambil inisiatif untuk memantapkan nilai integriti dengan melancarkan Pelan Integrasi Nasional di samping pelbagai dasar kerajaan sedia ada yang telah digubal dari semasa ke semasa (Mustafar Ali, 2004).

Komuniti dan organisasi mempengaruhi pembangunan integriti. Komuniti mempengaruhi integriti profesional kerana komuniti profesion tersebut terlibat dalam setiap tahap pembangunan profesional (Wakin, 1996). Komuniti menentukan kelayakan dan standard kecekapan ahli (Wakin, 1996). Integriti boleh dikekalkan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan hukuman yang berterusan (Mikulay et al., 2001). Pembangunan integriti juga memerlukan perubahan dalam budaya organisasi dan pendidikan dengan menumpukan kepada pembentukan moral komuniti (Hardingham, 2004). Pendapat ini selaras dengan Musschenga (2001) yang menekankan kepada pendidikan sebagai pendekatan utama pembangunan integriti untuk memahami falsafah dan kepentingannya serta menjadikannya sebagai sebahagian daripada identiti diri.

M. Kamal Hasan (2004) mengemukakan penyelesaian kepada kemelut integriti dalam konteks peribadi dan konteks organisasi atau jabatan. Menurutnya dalam konteks peribadi, individu perlu mengawal hawa nafsu, menyucikan hati, bertaqwa kepada Allah SWT serta memantapkan akidah dan akhlak terpuji. Organisasi pula perlu mematuhi kod etika Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam, berpegang teguh kepada prinsip keadilan dan mewujudkan mekanisme penyeliaan yang efektif. Beliau kemudiannya menyimpulkan secara dasarnya integriti terbentuk daripada kekuatan rohani dan kesucian akidah tauhid.

## PELAN INTEGRITI NASIONAL

Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2004. Pelan tersebut bertujuan membangunkan masyarakat beretika dan dapat membezakan antara perkara yang betul dan salah, manakala matlamat jangka panjang PIN adalah memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020, iaitu membentuk masyarakat yang mempunyai ciri-ciri moral dan etika yang kukuh, mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh serta berbudi pekerti luhur (Kadir Dikoh, 2004 dan Mustafar Ali, 2004).

PIN merupakan dasar payung dan pelan induk untuk menggubal strategi dan memberi hala tuju bagi semua sektor masyarakat supaya mereka dapat bekerjasama serta mengambil bahagian secara langsung dalam usaha memantapkan nilai etika dan integriti (Kadir Dikoh, 2004 dan Mustafar Ali, 2004). Justeru 'Tekad 2008' dikemukakan, iaitu:

1. Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan
2. Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi